

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB PRIME SOLUTIONS (dahulunya Prime Banking)**1. TAWARAN PERKHIDMATAN DAN KEISTIMEWAAN (“EXTENSION OF SERVICES AND PRIVILEGES”)**

- 1.1. Keahlian CIMB Prime Solutions (“Prime”) adalah melalui pelawaan oleh CIMB Bank Berhad (“Bank”) kepada pelanggan Bank dan CIMB Islamic Bank Berhad (“CIMB Islamic”). Pelawaan berdasarkan pada kriteria kelayakan yang dinyatakan di bawah Klausula 2.1 atau kriteria kelayakan lain yang ditentukan oleh Bank dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.

2. KRITERIA KELAYAKAN (“QUALIFYING CRITERIA”)

- 2.1. Pelanggan hendaklah mengekalkan jumlah agregat minimum sebanyak RM50,000.00 pada setiap masa yang didepositkan di dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau dilaburkan dalam apa-apa produk pelaburan [tidak termasuk Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)] Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama.
- 2.2. Bank boleh memutuskan dari semasa ke semasa untuk mengubah syarat ‘Baki Minimum’ jumlah yang didepositkan atau dilaburkan oleh Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 dan akan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Kegagalan untuk mengekalkan syarat ‘Baki Minimum’ dalam Klausula 2.1 boleh mengakibatkan penamatan atau penggantungan perkhidmatan dan keistimewaan di bawah Prime apabila Bank memberikan pemberitahuan terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

3. PENAMATAN PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN/ATAU KEISTIMEWAAN PRIME

- 3.1. Bank merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan untuk menamatkan, menyekat atau menggantungkan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime sekiranya Pelanggan gagal mengekalkan kriteria kelayakan Baki Minimum yang dinyatakan dalam Klausula 2.1.
- 3.2. Penamatan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime juga boleh disebabkan oleh yang berikut:-
 - a) Pelanggan memberikan notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan Prime; atau
 - b) Pelanggan memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini; atau
 - c) dengan kematian atau ketidakwarasan Pelanggan atau sekiranya Pelanggan melakukan suatu tindakan kebangkrapan; atausekiranya terdapat perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk menyediakan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime.

- 3.3. Bank merizabkan hak pada bila-bila masa untuk menamatkan, membatalkan, meminda, mengubah, menyemak semula, menyekat atau menggantungkan penggunaan Pelanggan manfaat, perkhidmatan dan/atau keistimewaan Prime sedia ada setelah memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.
- 3.4. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana tuntutan atau pampasan bagi sebarang ganti rugi atau kerugian yang dialami oleh Pelanggan sebagai akibat langsung atau tidak langsung tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahan, penyemakan semula, penyekatan atau penggantungan Prime dan/atau kesemua atau mana-mana perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime melainkan yang sama adalah disebabkan oleh keingkarannya sengaja atau kecuaiannya melampau Bank. Selanjutnya tidak di bawah mana-mana keadaan Bank akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi teladan atau punitif, kerugian atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi tulen, atau kerugian atau kerosakan seumpamanya yang boleh dialami oleh Pelanggan disebabkan mana-mana tindakan atau peninggalan Bank, walaupun sekiranya Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerugian atau kerosakan sedemikian terlebih dahulu.
- 3.5. Setelah penamatan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime Pelanggan, Bank hendaklah mempunyai hak untuk mengenakan levi, caj atau fi ke atas Pelanggan bagi kegagalan untuk menghentikan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime.

4. MATA BONUS

- 4.1. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Pelanggan layak untuk memperolehi mata bonus ("Mata Bonus") untuk pembelian transaksi dan aktiviti yang dipra-tentukan atau terpilih ("barangan, produk dan/atau perkhidmatan Penyertaan") seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Barangan, produk dan/atau perkhidmatan Penyertaan sedemikian dan Mata Bonus yang diperolehi boleh dilihat di laman web Bank di www.cimb.com.my/prime.
- 4.2. Bank boleh dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pelanggan:
 - a) menentukan, mengubah, meminda, menggantung dan/atau menarik balik mana mana barangan, produk dan/atau perkhidmatan Penyertaan atau sebahagian daripadanya;
 - b) menentukan, mengubah, menggantungkan dan/atau meminda Mata Bonus yang diberikan berkenaan dengan mana-mana barangan, produk dan/atau perkhidmatan Penyertaan yang dibeli oleh Pelanggan.

- 4.3. Mata Bonus hanya akan dikira dan diberikan sekiranya Pelanggan adalah pemegang akaun utama/pemohon utama barangan, produk dan/atau perkhidmatan Penyertaan yang dibeli di bawah nama bersama.
- 4.4. Mata Bonus hendaklah dibundarkan ke bawah ke nombor bulat. Contohnya, sekiranya Mata Bonus yang akan diberikan adalah diantara 1.0 dan 1.9, hanya 1 Mata Bonus akan diberikan.
- 4.5. Mata Bonus akan diberikan setiap bulan kepada Pelanggan, dengan syarat bahawa pada tarikh pemberian, Pelanggan tidak memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 4.6. Kelayakan pelanggan untuk menggunakan atau menikmati Mata Bonus yang diberikan hendaklah tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat Katalog Gajaran Ahli yang boleh dilihat di laman web Bank di <https://rewards.cimbbank.com.my> dan dengan syarat bahawa Mata Bonus adalah sah, belum luput atau dilucuthakkan oleh Bank.
- 4.7. Melainkan ditentukan atau dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Mata Bonus yang diberikan oleh Bank tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak lain, ditebus atau ditukar dengan Bank untuk tunai atau untuk mana-mana barangan, produk atau perkhidmatan lain.
- 4.8. Butiran Mata Bonus yang diperolehi boleh dilihat oleh Pelanggan melalui CIMB Clicks, penyata bulanan Bank dan/atau Penyata Disatukan.
- 4.9. Pelanggan hendaklah menyemak transaksi Mata Bonus dan memaklumkan kepada Bank berkenaan sebarang pertikaian berkenaan dengan kesilapan, kepingangan, pengiraan tidak tepat, rekod tidak tepat, catatan tidak tepat atau sebarang pertikaian lain apa jua yang berkenaan dengan Mata Bonus dalam empat belas (14) hari kalendar dari tarikh pengeposan penyata atas talian melalui CIMB Clicks dan/atau tarikh penerimaan penyata bulanan Bank dan/atau penyata Disatukan bulanan Bank dan sekiranya gagal, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima secara konklusif catatan Mata Bonus di dalam penyata yang disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau seperti yang terkandung di dalam penyata bulanan Bank dan/atau penyata Disatukan Prime bulanan Bank sebagai benar dan tepat dan mungkin tidak layak unuk mana-mana kesilapan atau ketidaktepatan diperbetulkan.

5. PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN/ATAU KEISTIMEWAAN PRIME

Penggunaan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime yang ditawarkan oleh Pelanggan akan dianggap sebagai persetujuan Pelanggan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Pelanggan boleh melihat senarai penuh dan lengkap perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime semasa di laman web Bank di <http://www.cimb.com.my/prime>.

6. PENYATA DISATUKAN

- 6.1. Sekiranya Pelanggan mempunyai berbilang akaun dengan alamat mel yang sama, semua akaun tersebut akan disatukan dalam satu penyata ("Penyata Disatukan").
- 6.2. Semua akaun tunggal dan akaun bersama di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama akan disatukan dalam Penyata Disatukan.
- 6.3. Penyata Disatukan akan dihantar melalui pos setiap bulan ke alamat Pelanggan yang dikekalkan di dalam rekod Bank. Sekiranya Pelanggan tidak ingin menerima salinan cetak Penyata Disatukan dan sebaliknya berhasrat menerima yang sama melalui e-mel, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan menelefon Pusat Panggilan Prime CIMB di 1300 889 800 atau menulis kepada CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] di Peti Surat 10063, 50704 Kuala Lumpur, Malaysia atau dengan mengunjungi mana-mana cawangan Bank.

7. KOMUNIKASI ARAHAN

- 7.1. Pelanggan dengan nyata mempersetujui dan memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak mengikut arahan Pelanggan yang diberikan melalui e-mel atau telefon dan/atau pos, yang Bank percayai berasal daripada Pelanggan tertakluk kepada Pelanggan:
 - a) memberikan indemniti kepada Bank dalam bentuk dan kandungan seperti yang akan ditentukan oleh Bank; dan
 - b) mematuhi terma-terma dan syarat-syarat indemniti tersebut sepenuhnya.
- 7.2. Pelanggan hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah penggunaan PIN, kata laluan dan/atau mekanisme keselamatan lain, kod akses, ciri-ciri atau peranti yang berkenaan dengan mana-mana akaun yang dikekalkan dengan Bank Pelanggan secara tidak diberi kuasa dan dan penipuan ("Kod Akses Keselamatan"). Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Kod Akses Keselamatan tidak didedahkan atau diberitahu kepada mana-mana orang lain dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi penggunaan Kod Akses Keselamatan.

8. KLAUSA PRIVASI

- 8.1. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, seperti yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah dimasukkan secara rujukan ke dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 8.2. Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris terdekat dan tanggungan Pelanggan ("pihak ketiga"), bagi tujuan membuka atau mengendalikan

akaun/kemudahan Pelanggan dengan Bank atau selainnya melangani produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini (a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapat kebenaran pihak ketiga dan layak memberikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga kepada Bank dan Bank boleh menggunakannya selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengemas kini Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan material pada maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang terkandung di sini dan/atau Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime dengan pemberitahuan terdahulu kepada Pelanggan sekiranya persetujuan ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.

- 8.3. Di mana Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentasi sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran berkenaan dengan transaksi merentasi sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ianya boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh badan kawal selia dan pihak berkuasa luar negeri berhubung dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki apa-apa transaksi merentasi sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi merentasi sempadan tersebut.
- 8.4. Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa hadapan menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit berdaftar, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pelanggan seperti yang boleh diperlukan untuk membantu dalam membuat keputusan contohnya apabila Bank perlu untuk (a) memeriksa butiran berkenaan permohonan kemudahan kredit dan yang berkaitan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan semula terhadap portfolio Pelanggan; (c) memungut hutang; dan/atau apa-apa tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat. Pelanggan akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada apa-apa nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pelanggan dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan Pelanggan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkenaan dan untuk mana-mana agensi pelaporan/rujukan ini untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.
- 8.5. Walaupun selepas Pelanggan memberikan apa-apa maklumat kepada pihak Bank, Pelanggan masih mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang telah

diberikan sebelum ini, kecuali di mana pendedahan maklumat Pelanggan diperlukan untuk penyediaan perkhidmatan Prime, faedah, dan/atau keistimewaan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau mematuhi sebarang keperluan undang-undang.

- 8.6. Untuk tujuan Klausula ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat yang berkaitannya seperti yang ditakrifkan di Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat yang dikendalikan bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan “Bank” harus dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 8.7. Klausula ini hendaklah tidak memprejudiskan mana-mana klausula lain dalam terma-terma dan syarat-syarat akaun deposit berkenaan dan/atau produk akaun pelaburan pelanggan dan/atau perjanjian lain Pelanggan dengan Bank dan/atau CIMB Islamic yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

9. NOTIS PENTING

- 9.1. Bank hendaklah layak pada bila-bila masa untuk mengubah, mengubahsuai, menambah, memadamkan atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada menambah, mengubah atau mengubahsuai terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime yang ditawarkan kepada Pelanggan (“Pindaan”) dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 9.2. Pemberitahuan kepada Pelanggan berkenaan dengan mana-mana Pindaan boleh melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut:
- a) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - b) notis di cawangan Bank; dan/atau
 - c) iklan di satu surat khabar pilihan Bank; dan/atau
 - d) notis ke alamat terakhir pelanggan yang diketahui; dan/atau
 - e) mel elektronik kepada alamat e-mel Pelanggan atau menerusi mana-mana kaedah komunikasi segera lain yang boleh dipilih oleh Bank, contohnya: khidmat pesanan ringkas (“SMS”), Whatsapp dan mel suara.

Pindaan tersebut hendaklah dianggap sebagai mengikat terhadap Pelanggan dari tarikh seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web Bank di <http://www.cimb.com.my/prime> secara berkala untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Prime dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskini dengan sebarang perubahan pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

- 9.3. Pelanggan mengakui bahawa perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime adalah peribadi dan tidak boleh dipindah milik

- 9.4. Semua penyata akaun, notis atau apa-apa komunikasi lain yang dihantarkan melalui pos kepada Pelanggan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui yang dinyatakan dalam rekod Bank akan dianggap telah diterima secara wajar oleh Pelanggan dalam tujuh (7) hari dari pengeposan.
- 9.5. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank dalam empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan oleh Pelanggan berkenaan penyata akaun dari Bank mengenai sebarang peninggalan, catatan tidak tepat, debit yang disalah buat, kesilapan, kepincangan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk dalam penyata akaun dan sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima secara konklusif catatan dan catatan terakhir yang dikemaskini dalam penyata akaun sebagai benar dan tepat dan mungkin tidak layak untuk sebarang kesilapan, kepincangan atau ketidaktepatan diperbetulkan.
- 9.6. Masa menjadi asas dalam kandungan di sini ('time is of the essence') tetapi kegagalan Bank dalam melaksanakan atau kelewatan dalam melaksanakan atau menguatkuasakan hak atau remedinya terhadap Pelanggan tidak akan beroperasi sebagai penepian dan sebarang pelaksanaan sebahagian daripada apa-apa hak atau remedi tidak akan memprejudiskan atau menjejaskan hak Bank untuk kemudiannya bertindak dengan tegas selaras dengan hak atau remedinya.
- 9.7. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan, kerosakan, kecederaan, kesusahan atau rasa malu yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan kewajipan Bank yang disebabkan oleh apa-apa sebab di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan, malfungsi, gangguan atau kerosakan ('breakdown') komputer, elektronik, elektrik, sistem untuk apa jua jangka masa.
- 9.8. Ketidaksahan, ketidaksahihan atau ketidakbolehuatkuasaan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini tidak akan mempengaruhi kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat lain.
- 9.9. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undangundang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan lain yang berkenaan. Pelanggan berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 9.10. Hak dan kelayakan Bank di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan dan akan terus wujud selepas mana-mana penamatan atau penggantungan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime oleh Bank.
- 9.11. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus sah dan mengikat walau apa pun pemindahan atau penyerah hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau apa-apa perubahan di Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya perniagaan Bank mungkin buat masa ini dijalankan.

- 9.12. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan tidak menjejaskan apa-apa pengaturan khusus berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime yang wujud kini atau selepas ini di antara Bank dan Pelanggan atau apa-apa terma-terma dan syarat-syarat seperti yang mungkin dinyatakan di dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.
- 9.13. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan terus sah dan mengikat walaupun berlaku kematian Pelanggan dan akan mengikat waris, wakil diri dan pengganti hakmilik Bank dan Pelanggan masing-masing. Hak dan kewajipan Pelanggan di bawah Prime dan/atau Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini tidak boleh diserahkan untuk apa jua sebab.
- 9.14. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan menggantikan semua terma-terma dan syarat-syarat, perjanjian atau pengaturan terdahulu, jika ada, yang dibuat antara Bank dan Pelanggan, sama ada secara bertulis atau lisan berkenaan dengan Prime dan/atau perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan Prime.
- 9.15. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berkenaan dengan dan/atau timbul di bawah akaun deposit dan/atau pelaburan yang berkaitan Pelanggan yang dikekalkan dengan Bank.
- 9.16. Di mana konteks mengizinkan, perkataan yang memaksudkan nombor tunggal hendaklah termasuk nombor jamak dan sebaliknya, perkataan yang memaksudkan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 9.17. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Prime, Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di alamat, telefon dan e-mel berikut (atau alamat, telefon dan e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank melalui notifikasi kepada Pelanggan):

Unit Resolusi Pelanggan
Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
Alamat e-mel: cru@cimb.com